

**DRAF**

Teks Ucapan  
**Y.BHG Dato' Sri Ir Dr. Judin Abd Karim**  
PENGERUSI  
AKADEMI BINAAN MALAYSIA  
DAN  
KETUA EKSEKUTIF CIDB MALAYSIA

Sempena

**MAJLIS GRADUASI ABM SARAWAK 2014**

Pada

16 November 2014

Yang Berhormat

**Dato' Sri Haji Fadillah Bin Yusof**

Menteri Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia

**Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob**

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia

**Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Bin Ali**

Pengerusi CIDB Malaysia

Yang Berusaha

**Sr Abdul Latiff Hitam**

Ketua Pegawai Eksekutif, CIDB Holdings

Yang Berhormat

**Datuk Ir. Haji Daud Abdul Rahman**

Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam),  
merangkap Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur

Yang Berhormat

**Datuk Hajah Fatimah Abdullah**

Menteri di Kementerian Kebajikan Wanita dan Pembangunan  
Keluarga

Yang Berhormat

**Haji Abdul Karim Rahman Hamzah**

Menteri Muda Pembangunan Belia (Bandar)  
Merangkap Menteri Muda Perumahan

Yang Berhormat

**Puan Hajah Syarifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali**

Ahli Dewan Undangan Negeri N.7 Semariang, Kuching

Yang Berusaha

**Encik Merzan Hashim**

Pengarah Negeri, CIDB Sarawak

Yang Berusaha

**Encik Abdul Rahman Ahmad**

Ketua Pegawai Operasi ABM Sarawak

Yang Berbahagia

**Datuk Haji Abang Abdul Wahab Bin Haji Abang Julai**

Datuk Bandar

Dewan Bandaraya Kuching Utara

Para Pegawai Kanan Kementerian Kerja Raya

Ahli Lembaga Pengarah serta pengurusan CIDB

CIDB Holdings serta Ketua-ketua Pegawai Operasi Akademi

Binaan Malaysia

dan Ketua-ketua Jabatan.

Dif Kenamaan dan jemputan,

Para graduan,

Ibu bapa,

Alumni ABM,

Rakan media

dan sidang hadirin yang dihormati sekalian.

***Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam 1Malaysia.***

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya dapat

kita bersama-sama meraikan para pelatih dalam Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Sarawak pada hari ini.

2. Ribuan penghargaan kepada Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Seri Haji Fadillah Bin Yusof, di atas kesudian beliau menghadiri majlis ini dan seterusnya menyampaikan sijil kepada pelatih yang diraikan serta merasmikan Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia Wilayah Sarawak pada hari ini. Kehadiran Yang Berhormat Dato' Sri menunjukkan komitmen beliau yang begitu tinggi kepada industri pembinaan, termasuk para Alumni ABM sekalian sebagai penggerak agenda pembangunan negara.

3. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan strategik CIDB dan ABM yang akan menandatangani MoU pada hari ini iaitu **BIM Partners, Bosch, Peri, BlueScope, Hanson, Molecor**, Smart Paint (M) Sdn. Bhd., Borneo Safety Training Services, Konsultan Timur, Sarawak

Consolidated Industries Berhad dan Open University Malaysia.

4. Turut bersama-sama meraikan Majlis yang penuh berkat ini adalah rakan-rakan strategik yang telahpun menjalin kerjasama dengan kami di dalam melaksanakan pelbagai program latihan belia dan personel binaan. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan telah menyemarakkan lagi Majlis pada hari yang berbahagia ini. CIDB amat menghargai sokongan serta komitmen yang ditunjukkan industri dalam melahirkan lebih ramai tenaga mahir bagi menampung permintaan di dalam industri pembinaan ini.
  
5. Pada hari ini kita akan bersama-sama menyaksikan para pelatih yang telah menamatkan latihan menerima sijil kecekapan kemahiran mereka. Mereka inilah pelapis bagi tenaga pekerja mahir yang merupakan nadi kepada sektor pembinaan. Tahniah, saya ucapkan di atas kejayaan saudara –saudari sekalian.

6. Ucapan tahniah juga kepada semua ibu bapa pelatih atas dorongan serta pengorbanan yang dicurahkan dalam memastikan anak-anak mereka berjaya menamatkan latihan di dalam tempoh yang ditetapkan.
  
7. Hari ini kita akan berpeluang mendengar amanat Yang Berhormat Menteri Kerja Raya kepada para alumni ABM yang hadir. Saya yakin perjumpaan dengan Menteri ini akan memberi suntikan semangat kepada alumni ABM yang hadir, malah menyemarakkan azam para belia kita di luar sana untuk sama-sama berusaha dan mencapai kejayaan di dalam bidang teknikal dan vokasional terutama sekali di dalam industri pembinaan.
  
8. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya kerana meluangkan masa untuk majlis ini.

***Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah,***

***Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***